

Melayu P. Pinang mesti dapat manfaat projek

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 12 Sept. - Kerajaan akan memastikan projek-projek besar yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang termasuk pembinaan Jambatan Kedua akan memberi manfaat kepada orang Melayu dan bumiputera di negeri tersebut.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, kerajaan bekerja keras bagi menjayakan agenda orang Melayu di negeri itu dengan siri mesyuarat utama sedang dijalankan oleh beberapa agensi seperti Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

"Kita kini dalam kedudukan untuk menentukan orang Pulau Pinang terutama bumiputera akan menikmati manfaat daripada projek-projek besar yang dijalankan.

"Ini termasuk memberikan fokus kepada soal perumahan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Skim Eksekutif Muda United Engineers (Malaysia) Bhd. (UEM YES) di

Um-13/9/2006
Kita ada banyak kombinasi yang kita akan nilai dan kita mempunyai banyak pilihan

Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi UEM, Datuk Abu Hasan Kendut dan Pengarah Urusan UEM, Datuk Ahmad Pardas Senin.

Menurut Nor Mohamed, kementeriannya juga memastikan proses pelaksanaan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan dipercepatkan dan perkara tersebut sudah dibincangkan oleh EPU.

Pada 2 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan projek jambatan tersebut yang diletakkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Kumpulan UEM diberi konsesi untuk membina, mengurus, mengendali dan menyelenggara projek berkenaan kerana syarikat itu adalah pemegang konsesi Jambatan Pulau Pinang

sedia ada.


Dalam hal ini Nor Mohamed menjelaskan, soal pembiayaan bukan menjadi masalah besar, sebaliknya kerajaan sedang meneliti model-model pembiayaan daripada pihak bank.

Mengulas mengenai projek berkenaan, Ahmad Pardas pula berkata, pada peringkat awal, UEM sedang meneliti secara spesifik kombinasi pembiayaan bagi projek tersebut.

"Kita ada banyak kombinasi yang kita akan nilai dan kita mempunyai banyak pilihan," katanya.

Sementara itu, Nor Mohamed berkata, pihaknya mengalu-alukan langkah UEM mewujudkan skim latihan bagi sebanyak 1,000 siswazah yang baru menamatkan pengajian mereka untuk di tempatkan dalam pelbagai jabatan dan organisasi di bawah kumpulan itu.

"Ini boleh dikatakan pengambilan



NOR MOHAMED YACOP

terbesar oleh sebuah syarikat dan langkah tersebut perlu diikuti serta menjadi teladan kepada syarikat milik kerajaan (GLC) yang lain dan syarikat bukan GLC," katanya.